



KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL DAN FAKTOR KECEMERLANGAN SEKOLAH
DALAM MEMILIH MEMPENGARUHI IBUBAPA MENGHANTAR ANAK
KE SEKOLAH MENENGAH AGAMA SWASTA,
INSTITUT HAFIZ KELANG,
SELANGOR

MOHD HISHAM BIN SURGI



TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018





ABSTRAK

Tujuan kajian ini mengenal pasti peranan kepimpinan pengetua dan faktor kecemerlangan sekolah dalam mempengaruhi ibu bapa untuk menghantar anak-anak ke sekolah menengah agama swasta. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan reka bentuk deskriptif tinjauan. Seramai 438 ibu bapa pelajar di Sek Men Agama, Institut Hafiz Klang, Selangor telah dipilih. Data dianalisis dengan menggunakan analisis statistik deskriptif dan regresi logistik. Dapatan kajian menunjukkan peranan kepimpinan pengetua dalam mendefinisikan matlamat ($M=4.23$, $SD = 0.03$), mengurus program sekolah ($M=4.59$, $SD = 0.41$) dan membentuk iklim sekolah ($M=4.28$, $SD = 0.44$) mempengaruhi ibu bapa untuk menghantar anak mereka ke Sekolah Agama Swasta. Hasil kajian ini juga menunjukkan kepuasan terhadap sekolah ($M=3.61$, $SD = 0.27$), bermatlamatkan akademik ($M= 3.62$, $SD = 0.25$) dan kepercayaan nilai sekolah ($M= 3.63$, $SD = 0.24$) turut mempengaruhi ibu bapa menghantar anak ke sekolah ini. Manakala, analisis regresi logistik menunjukkan faktor berkongsi maklumat sekolah dan kepentingan pelajar tidak mempengaruhi ibu bapa memilih ke sekolah agama swasta ($p>0.05$). Kesimpulan daripada kajian menunjukkan peranan kepimpinan sekolah dan imej sekolah adalah penting kepada ibu bapa di dalam pemilihan sekolah menengah agama swasta. Implikasinya pihak sekolah swasta agama perlu peka terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan sekolah agama swasta dalam kalangan ibu bapa.





INSTRUCTIONAL LEADERSHIP AND EXCELLENT SCHOOL FACTORS INFLUNCED PARENTAL CHOICE OF RELIGION SECONDARY PRIVATE SCHOOL, INSTITUT HAFIZ KELANG, SELANGOR

ABSTRACT

The purpose of this study was to identify the principal role of leadership and excellence in school factor influence parents to choose their children to private Religious high school. This research is quantitative studies that use descriptive survey design. The purposive sampling techniques used for the selection of respondents is intended. A sample of 438 is the parents of the students in Sek Men Agama, Institut Hafiz, Klang, Selangor. Data was analysed using descriptive statistics and logistics regression. The results showed the leadership role as the principal goals ($M = 4.23$, $SD = 0.03$), defines program school ($M = 4.59$, $SD = 0.41$), school climate ($M = 4.28$, $SD = 0.44$) influence form parents to send their children to Private religious schools. The study also shows that satisfaction of schools ($M = 3.61$, $SD = 0.27$), academic desire ($M = 3.62$, $SD = 0.25$) and belief in the value of the school ($M = 3.63$, $SD = 0.24$) influence the parents send their children to this school. Logistic regression analysis also shows that share school information and student interests factors do not influence the parents choose to private religious schools ($p > 0.05$). In conclusion shows the role of leadership schools and school image is a critical factor for parents who send their children to private religious high school. Implication of this studies that the religious private school need to be sensitive to the factors influencing the selection of private religious schools among parents.



KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN KEASLIAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	10
1.3	Pernyataan Masalah	21
1.4	Objektif Kajian	28
1.5	Persoalan Kajian	29
1.6	Kerangka Kajian	30
	1.6.1 Kerangka model kepimpinan instruksional	31
1.7	Hipotesis Kajian	32
1.8	Limitasi Kajian	33
1.9	Kepentingan Kajian	34
1.10	Definisi Operasi	36
	1.10.1 Pengetua Sekolah	36
	1.10.2 Peranan Pengetua	37
	1.10.3 Kepimpinan	37
	1.10.4 Kepimpinan Instruksional	38



1.10.5	Faktor	39
1.10.6	Mempengaruhi	39
1.10.7	Tahap	39
1.10.8	Pendidikan	40
1.10.9	Sekolah Swasta	40
1.10.10	Sekolah Cemerlang	41

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	43
2.2	Merungkai Peranan Pengetua Sekolah	44
2.3	Konsep Kepimpinan	47
2.3.1	Fokus Kepimpinan Instruksional	49
2.4	Kepimpinan Pengetua Dalam Menghasilkan Sekolah Cemerlang dan Berkesan	55
2.5	Menjustifikasikan Faktor Pemilihan Sekolah Cemerlang Di kalangan Ibubapa	59
2.6	Perkembangan Sekolah Swasta	69
2.6.1	Kewujudan Sekolah Swasta	70
2.6.2	Faktor-faktor Pertumbuhan Sekolah Agama Swasta	71
2.6.3	Latarbelakang Sekolah Swasta Agama Hafiz Klang	76
2.7	Prinsip Asas Model Kepimpinan Instruksional Pengetua	79
2.7.1	Model Hallinger & Murphy (1985)	79
2.7.2	Model Murphy's (1990)	82
2.7.3	Perkaitan Antara Kepimpinan Instruksional Pengetua Cemerlang Dalam Mempengaruhi Ibubapa Menghantar Anak Mereka Ke Sekolah Swasta	86
2.8	Model Hubungan Kepimpinan Pengetua dan Prestasi Sekolah Cemerlang	88



2.9	Model Mempengaruhi Pemilihan Sekolah Ibubapa	90
2.10	Model Kajian	93
2.11	Kajian-Kajian Lepas	96
2.12	Rumusan	98

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	100
3.2	Rekabentuk Teoritik Kajian	101
3.3	Kaedah Kajian	101
3.4	Populasi	102
3.5	Persampelan	103
3.6	Instrumen Kajian	104
3.7	Rasionalisasi Soalan Kajian	108
	3.7.1 Bahagian A: Profil Demografi	108
	3.7.2 Bahagian B: Peranan Kepimpinan Pengetua	108
	3.7.3 Bahagian C: Faktor Pengaruh Pemilihan Sekolah Cemerlang Dikalangan Ibubapa	109
	3.7.4 Bahagian D: Soalan Temubual	109
3.8	Kaedah Pengumpulan Data	109
3.9	Pengesanan Alat Ukur (Kesahan dan Kebolehpercayaan)	110
	3.9.1 Kesahan Kandungan	112
	3.9.2 Kesahan Konstruk	114
3.10	Kebolehpercayaan	127
3.11	Kajian Rintis	128
3.12	Penganalisisan Data	129
3.13	Rumusan	137



BAB 4	DAPATAN KAJIAN	138
4.1	Pengenalan	138
4.2	Kebolehpercayaan Alat Ukur Kajian	140
4.3	Menganalisis Jangkaan	141
4.4	Analisa Deskriptif Demografi Responden	143
4.5	Analisa Min	147
4.6	Analisa Korelasi	160
4.7	Analisis Regresi Logistik	162
4.8	Ringkasan Hasil Pengujian Hipotesis	166
4.9	Hasil Temubual	168
4.10	Rumusan	172
 BAB 5	 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	 174
5.1	Pengenalan	174
5.2	Rumusan dan Perbincangan Dapatan Kajian	175
5.3	Implikasi Kajian	188
5.4	Cadangan	191
5.5	Penutup	195
 RUJUKAN		 194
LAMPIRAN		206



**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka surat
2.1	Model Rangka Kerja Komprehensif Kepimpinan Instruksional	85
3.1	Skala Skor Min	106
3.2	Skala Likert	107
3.3	Senarai Nama Penyelidik	114
3.4	Bilangan item keseluruhan selepas EFA	116
3.5	Jumlah varians selepas EFA kepimpinan Instruksional	117
3.6	Item-item Kepimpinan Instruksional selepas EFA	118
3.7	Putaran Varimax kepimpinan instruksional	119
3.8	Jumlah varians selepas EFA Faktor-faktor pemilihan	122
3.9	Item-item Faktor-faktor pemilihan selepas EFA	123
3.10	Putaran varimax Faktor-faktor lain	124
3.11	Nilai Eigen dan indeks kebolehpercayaan Kepimpinan instruksional dan faktor kecemerlangan sekolah	125
3.12	Tafsiran pekali korelasi	133
3.13	Jadual ringkasan pengujian statistik	136
4.1	Ringkasan Alpha Cronbach	141
4.2	Taburan deskriptif responden	143
4.3	Hasil deskriptif mendefinisikan matlamat	147
4.4	Hasil deskriptif keluruhan mendefinisikan matlamat	148
4.5	Hasil deskriptif mengurus program	149
4.6	Hasil deskriptif keseluruhan mengurus program	150



4.7	Hasil Deskriptif Analisa Min bagi Pengetua Mewujudkan Iklim Sekolah Positif dan perkongsian maklumat sekolah	151
4.8	Hasil Deskriptif Keseluruhan Analisa Min Item Mewujudkan Iklim Sekolah Positif dan perkongsian maklumat sekolah	153
4.9	Senarai Hasil Deskriptif Analisa Min Pembolehubah Bebas (Peranan Kepimpinan Pengetua)	154
4.10	Rumusan Hasil Deskriptif Analisa Min Pembolehubah Bebas (Peranan Kepimpinan Pengetua)	155
4.11	Hasil Deskriptif Analisa Min bagi Faktor Pemilihan Sekolah (N=438)	156
4.12	Rumusan Hasil Deskriptif Analisa Min Pembolehubah Bersandar (Faktor Pemilihan Sekolah)	158
4.13	Rumusan Hasil Dapatan Nilai Min bagi Peranan Kepimpinan Pengetua dan Faktor Pemilihan Sekolah	159
4.14	Dapatan Hasil Analisa Korelasi Peranan Kepimpinan Pengetua dalam Mempengaruhi Faktor Kecemerlangan Sekolah	160
4.15	Dapatan Hasil Keseluruhan Analisa Korelasi Peranan Kepimpinan Pengetua dengan faktor kecemerlangan sekolah	161
4.16	Analisis Regresi Logistik	164
4.17	Hasil Keputusan Hipotesis Kajian	166



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	32
2.1	Model Teori Kepimpinan Instruksional	51
2.2	Model Kepimpinan Instruksional Hallinger dan Murphy (1985)	80
2.3	Model Laluan Pencapaian Pelajar	89
2.4	Model Faktor Mempengaruhi Pemilihan sekolah	91
2.5	Model Kajian	95





BAB 1

PENDAHULUAN



Mohd Mahzan, Abdul Razaq (2016) Sistem pendidikan di Malaysia telah melalui fasa perubahan dan perkembangan mengikut keperluan pendidikan Abad ke-21. Pendidikan abad ke 21 merupakan pemangkin kepada kualiti pendidikan negara (Mardhiah dan Rabiahtul-Adawiah, 2016) biasanya akan membantu meningkatkan pembangunan sesebuah negara, malah jatuh bangunannya sesebuah negara itu bergantung kepada kualitinya pendidikan di sesebuah negara tersebut. Namun pembuktian dengan melihat perkembangan dan usaha Malaysia dalam menangani globalisasi dan era arus perubahan politik yang tanpa mengira waktu dan ruang, maka Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memastikan proses pendidikan di Malaysia turut berubah mengikut keperluan global, tuntutan semasa dan selaridengan perubahan pendidikan di seluruh dunia (Azizi Yahaya, Lim Ting Theng & Nordin Yahya, 2010).





Cabaran lain pendidikan di Malaysia ialah setiap pelajar perlu melengkapkan diri dengan elemen-elemen abad ke-21 dalam aspek-aspek kognitif, tingkah laku dan afektif. Kesemua cabaran ini perlu ditangani bagi merealisasikan kejayaan sistem pendidikan Malaysia

Oleh yang demikian, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil inisiatif dalam membentuk Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) dalam usaha mencapai impian di dalam persekitaran persaingan global yang semakin kompetitif dengan hasrat membuka lebih luas ruang peluang ke arah rakyat yang berpendidikan tinggi serta mampu berdaya saing dalam kalangan rakyat dan seterusnya memacu pendidikan negara ke arah pendidikan bertaraf dunia (KPM, 2012).



Bersandarkan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) beberapa inisiatif telah diperkenalkan melalui Program Transformasi Pendidikan 2009, PPPM menggariskan lima bidang tumpuan telah diutamakan iaitu, pra sekolah, literasi dan numerasi, Sekolah Berprestasi Tinggi, Tawaran Baharu (Bai'ah) kepada pengetua dan guru besar, dan program peningkatan sekolah. Malah sekolah-sekolah sama ada sekolah kerajaan atau swasta perlu melaksanakan wawasan pendidikan yang telah ditetapkan (Azizi, Noordin & Lim Ting Theng, 2010). Justeru itu, kejayaan atau kegagalan pelaksanaan pembangunan sistem pendidikan Malaysia merupakan agenda utama kerajaan ke arah sistem pendidikan yang setaraf dunia untuk membentuk sumber manusia yang berkualiti malah sebelum itu Bass (1990) menyarankan upaya pemimpin merupakan faktor yang terpenting dalam menentukan kejayaan dan kecemerlangan sekolah.





Malah Abdul Shukur (1998:1) menyatakan bahawa warga sekolah khususnya berusaha dan menentukan strategi bagi menjadikan sekolah-sekolah mereka berkesan, cemerlang dan dapat dengan harapan melahirkan para pelajar yang berkualiti, agar mewujudkan kecemerlangan akademik dan sahsiah yang unggul. Malah aktiviti pengajaran dan pembelajaran harus dipertingkatkan mengikut kesukaran, peredaran masa, perkembangan dunia (Munirah, Abdul Razaq & Noria, 2015).

Ketika ini ramai yang berani membincangkan berkaitan dengan sekolah berkesan dan kualiti guru di sekolah. Para ibu bapa berkhendakan anak-anak mereka mendapat pendidikan yang berkualiti dan terbaik dari sekolah-sekolah yang berkesan dan cemerlang khususnya kecemerlangan dalam dalam akademik. Guru perlu mempunyai ciri pengajaran ke arah menguasai ilmu konten, pedagogi dan keprofesionalisme guru (Nooraini & Abdul Halim, 2017). Maka Kementerian Pendidikan Malaysia perlu dan mengiktiraf kepada sekolah-sekolah berkesan dan cemerlang dengan gelaran-gelaran tertentu seperti Sekolah Kluster, Sekolah Berprestasi Tinggi dan juga Sekolah Baiah.

Sehubungan dengan itu sekolah sebagai sebuah organisasi secara formal berperanan dalam membentuk perkembangan insan, masyarakat dan negara. Ini bermakna, sekolah berpengaruh dalam membentuk kemajuan masyarakat (Laporan Jawatankuasa Kabinet, 1974) dan selaras dengan wawasan negara. Maka itu, organisasi sekolah mestilah mempunyai ciri-ciri tertentu dalam membentuk generasi pelajar ke arah kemajuan dan kecemerlangan. Kejayaan sekolah biasanya dicerminkan melalu seluruh sistem yang diamalkan, nilai, kepercayaan, iklim sekolah, semangat dan budaya dipunyai secara bersama-sama antara ahli-ahli sekolah. Ia juga





sering dikaitkan dengan kualiti kepimpinan pengurusannya. Sehubungan itu, pemimpin sekolah khususnya pengetua/guru besar yang dipertanggungjawabkan sebagai agen perubahan dan pemotivasi dalam menentukan kecemerlangan dan kejayaan organisasi sekolah (Jamilah & Yusof, 2011).

Juhana (2007) juga berpendapat bahawa guru besar mahupun pengetua mahupun guru besar merupakan pemimpin utama yang dapat memikul tanggungjawab dan perjalanan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) berkesan dan cekap, budaya dan iklim pembelajaran di sekolah. Maka timbul persoalan mengatakan sejauhmana sekolah yang berupaya berubah dan membawa kejayaan adalah disebabkan oleh gaya kepimpinan pengetua/guru besar? Adakah sekolah yang kurang maju disebabkan ketidakupayaan kepimpinan dalam menyumbang kepada kejayaan dan keberkesanan sekolah. Pengetua/Guru besar bertanggungjawab memastikan agar semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran dipantau dan berkesan. Malah sebagai juru pakar runding, penasihat serta penyelaras program-program atau aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah dilaksanakan mengikut keperluan semasa. Terlibat merangka dan menyediakan aktiviti-aktiviti profesional guru dan pelajar (Hussein, 2008) seperti mewujudkan komuniti pembelajaran profesional dan sebagainya.

Amalan pengurusan pengetua adalah faktor utama yang menentukan organisasi (Md Adam & Rohani, 2012, Kamaruzaman & Norasmah, 2012) dan kejayaan sesebuah sekolah adalah terletak di tangan pengetua (Azizi Yahaya, 2010). Amalan pengurusan pengetua adalah penting dan ia dapat menyumbang kepada kejayaan serta kecemerlangan sebuah sekolah. Amalan pengurusan pengetua yang berkesan dapat menyumbang kepada prestasi sekolah. Ini membawa maksud yang





sekolah yang berprestasi adalah hasil daripada amalan pengurusan pengetua yang berkesan.

Abdul Shukor (1998), Shahril dan Muhammad Fizal (2007) dan Dolbasar, Shahril dan Jamal (2013) mensintesiskan bahawa sistem pendidikan kini menghadapi cabaran utama dan kritikal khususnya dalam perancangan strategik bagi menyediakan perkhidmatan pendidikan yang cemerlang dan berkualiti. Ini penting bagi merealisasikan sumber manusia cemerlang cemerlang sejajar dengan kehendak dan aspirasi pembangunan negara. Sebab itu sekolah perlu beroperasi dengan berdasarkan matlamat dan tuntutan negara.

Apabila kita membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan pendidikan, kita tidak akan dapat lari daripada meletakkan Falsafah Pendidikan Negara sebagai matlamat utama yang menjadi pegangan kesemua warga pendidik di Malaysia. Melihat kepada matlamat Falsafah Pendidikan Negara iaitu dalam melahirkan murid yang cemerlang dan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek, sekolah merupakan agen utama yang akan menyandang tugas dan tanggungjawab ini. Tugas guru pada masa kini dikatakan bukan sahaja setakat menyampaikan ilmu pengetahuan, bahkan guru perlu mendidik, memberi motivasi dan galakan bahkan perlu menjadi "*role model*" dalam membentuk sahsiah diri dan akhlak di kalangan para pelajar. OECD (2013) telah menyenaraikan 16 ciri yang perlu ada pada pengetua atau guru di sekolah yang berkesan dan cemerlang. Antaranya yang paling utama ialah menterjemahkan visi dan misi pengajaran dan pembelajaran serta menggunakan teknologi untuk berinteraksi dengan pelajar, guru dan ibu bapa.





Ironinya, pengetua yang diklasifikasikan, mempunyai ciri dan sifat cemerlang akan berupaya untuk menghasilkan satu sekolah yang cemerlang dan berupaya untuk bertindak balas dengan sebarang perubahan di masa hadapan. Edmonds (1979) yang dipetik dari kajian Sapiah (2003), menyatakan bahawa kejayaan sesebuah sekolah adalah terletak di tangan pengetua atau guru besar dan merekalah yang mengubah sesebuah sekolah dari sekolah yang tidak berkesan kepada sekolah yang berkesan. Berkesan merujuk kepada kecemerlangan sesebuah sekolah yang ditadbir. Dalam institusi sekolah, pengetua merupakan pemimpin, pentadbir, dan pengurus yang melaksanakan pelbagai fungsi dan perlu cekap dan bijak untuk menguruskan dan melaksanakan tugas kepimpinan. Kualiti kepimpinan yang tinggi adalah sangat diperlukan untuk mengurus dan mentadbir sekolah bagi melahirkan generasi yang berkualiti (Musa, 2002).



Sehubungan dengan itu, konteks kepimpinan pengetua dalam membentuk sebuah sekolah cemerlang merupakan salah satu faktor utama dalam mempengaruhi aspek pemilihan ibubapa apabila membuat keputusan menghantar anak mereka ke sekolah termasuk ke sekolah swasta (Lynn Bosetti, 2004). Teori pilihan paling rasional dalam mempengaruhi ibubapa menghantar anak mereka ke sesebuah sekolah mempunyai kaitan yang jelas tentang pengiraan kos pengajian, faedah secara meluas serta kebarangkalian kejayaan maksimum yang bakal dinikmati anak-anak mereka termasuk harapan terhadap sekolah untuk memberikan bantuan pendidikan dan sahiah demi kepentingan masa depan anak-anak mereka. (Fuller et al 1996; Goldthorpe, 1996; Bosetti, 1998; Hatcher, 1998). Teori Pilihan rasional merupakan suatu idea bahawa individu membuat pilihan untuk memaksimumkan faedah sambil meminimumkan kos (Martinaz & Reguly, 2013). Apabila membuat keputusan,





pertama sekali individu akan menimbang faedah positif yang dijangkakan terhadap kesan negatif yang dijangkakan, dan kemudian mereka menentukan pilihan mereka pada apa yang mereka fikir akhirnya akan memberi manfaat kepada mereka (Martinaz & Reguly, 2012).

Schulz (2011) menggambarkan tiga tafsiran utama teori pilihan rasional. Yang pertama sebagai tafsiran normatif - di mana teori dilihat untuk menyatakan keadaan yang perlu mengenai bagaimana harus memilih; Yang kedua adalah tafsiran ramalan – yang mana teori itu dilihat menyediakan satu set tuntutan yang berguna untuk ramalan tindakan individu atau kumpulan; dan yang ketiga adalah penafsiran deskriptif – yang mana teori itu dilihat menggambarkan proses psikologi yang sebenarnya berlaku apabila orang membuat keputusan. Untuk tujuan kajian ini, tafsiran deskriptif akan diketengahkan, memberi tumpuan kepada pertimbangan ibu bapa mengambil kira apabila membuat keputusan pilihan sekolah.

Schulz (2011) menjelaskan bahawa membuat keputusan berdasarkan mekanisme psikologi yang mengambil kira semua pertimbangan, cuba untuk menentukan penyelesaian terbaik, membuat pertimbangan dan berfungsi dengan cara yang sama dalam semua keadaan. Seorang penulis terdahulu menyatakan "Mengambil keputusan dalam keadaan yang sedar adalah satu proses yang sangat menuntut, memutuskan untuk membuat keputusan, mengumpulkan maklumat yang diperlukan, menimbang maklumat dan membuat pilihan adalah membebankan walaupun semua yang dipertaruhkan adalah sebuah sabun basuh, keputusan yang serius, seperti pilihan penjagaan perubatan atau pendidikan untuk anak seseorang, akan lebih membebankan (De Jarnatt, 2007, ms.1).





Namun begitu, menurut Hatcher (1998), konteksibu bapamembuat keputusan adalah jauh lebih kompleks daripada hasil rasional pengiraan pulangan pelaburan mereka terhadap bidang pendidikan kerana ianya dipengaruhi secara langsung oleh persekitaran sosial dan kedudukan mereka dalam kelas masyarakat yang didiami ketika itu. (Coleman tahun 1988; Bauch & Goldring, 1995; Reay & Ball,1998; Bosetti, 2000,2001; Reay & Lucey, 2000; Ball,2003).

Menurut Coleman(1988, ms238), kebanyakan ibubapa menghantar anak mereka sama ada ke sekolah kerajaan mahupun swasta adalah bergantung kepada nilai kepercayaan dan keperibadian keturunan mahupun agama mereka serta berdasarkan maklumat yang dikumpul melalui hubungan mereka dengan persekitaran sosial dan kejiranan mereka. Kebanyakan ibubapa mendapatkan maklumat melalui rangkaian sosial dan professional mereka bagi mendapatkan akses terhadap mutu dan kualiti sekolah yang menjadi pilihan mereka. Namun demikian, konsep ini dikatakan tidak mampu memberi maklumat yang menyeluruh dalam aspek membuat keputusan yang tepat dalam menghantar anak-anak mereka ke sesebuah sekolah tersebut (Smrekar & Goldring, 1999).

Justeru yang demikian, faktor yang mempengaruhi ibubapa menghantar anak mereka ke sekolah swasta berbanding sekolah kerajaan adalah dipengaruhi oleh kecemerlangan pengetua sekolah tersebut dalam membangunkan kejayaan sekolah dari pelbagai aspek akademik mahupun pembangunan sahsiah. (Siow Heng Loke, et al, (1999). Ini kerana sekolah-sekolah swasta masa kini mencatat keputusan akademik yang lebih baik berbanding dengan sekolah kerajaan (Kementerian Pendidikan, 2002). Selain itu, seperti yang telah dibincangkan oleh Coleman(1988) bahawa ibubapa





memilih sekolah disebabkan adanya budaya kepercayaan dan nilai agama yang ditonjolkan dalam sesebuah sekolah. Ini merupakan salah satu sebab kini semakin ramai ibubapa berusaha untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama swasta di Malaysia (Ridza, & Jalil, & Sipan, & Yusoff, Nukman, 2017).

Bersabit dari konteks nilai kepimpinan yang ditunjukkan oleh pengetua di sesebuah sekolah serta kesannya dalam mempengaruhi ibubapa menghantar anak mereka ke sekolah tersebut, kajian ini bersifat relevan dalam melihat sejauh mana faktor kepimpinan dan nilai kepimpinan mereka menjadi asas kepada pemilihan sekolah agama swasta di Malaysia dikalangan ibubapa.

Memahami konteks nilai kecemerlangan institusi pendidikan dan sekolah pengetua, literatur menunjukkan kewujudan kepimpinan pengajaran mampu membantu peningkatan prestasi akademik dalam sesebuah sekolah. Dapatan kajian Mohd Zaini (2009) bertajuk, “Amalan kepimpinan Instruksional pengetua sekolah menengah berprestasi tinggi dengan sekolah menengah berprestasi rendah di daerah Kota Setar Kedah Darul Aman”, menunjukkan ciri-ciri kepimpinan pengajaran berlaku dan dilaksanakan. Beliau juga mengenalpasti ciri-ciri kepimpinan pengajaran daripada meliputi merangka matlamat sekolah, menyampaikan matlamat kurikulum sekolah, penyeliaan dan penilaian pengajaran, penyelarasan pelaksanaan kurikulum, memantau kemajuan pelajar, melindungi waktu pengajaran dan pembelajaran, mengekalkan kehadiran, menyediakan ganjaran kepada guru, perkembangan profesional, penguatkuasaan piawaian akademik dan menyediakan insentif kepada pelajar.





Selain itu, Nurfazhillah Sabit (2013), juga telah menjalankan kajian tentang pengaruh pengamalan kepimpinan pengajaran terhadap prestasi akademik di beberapa buah sekolah di Sabah. Nurfazhillah Sabit (2013) menggariskan dua domain dalam kajiannya iaitu mengurus program kurikulum dan mewujudkan iklim pembelajaran yang positif. Beliau dapat menjelaskan bahawa kepimpinan pengajaran tidak wujud hubungan yang bererti secara signifikan dengan pencapaian dalam subjek J-QAF. Sekolah-sekolah yang menunjukkan prestasi yang cemerlang akan dipimpin pengetua/guru besar mempunyai ciri-ciri atribut kepimpinan berwawasan sekaligus menjadi pilihan ibubapa dalam memberikan yang terbaik kepada anak-anak mereka. (Atan, Abdul, Mohd, Ratnawati & Rosnani, 1990; Atan, 1993; Dunford, Fawcett & Bennett, 2000; Shahril, Hamidah, Jamal @ Khalip, 2014).



1.2 Latar Belakang Kajian

Perbincangan berkaitan tanggungjawab utama pemimpin sekolah dalam kalangan sarjana kepimpinan pendidikan menunjukkan setiap individu berjaya mencapai pengetahuan, kemahiran, dan sikap yang dikehendaki. Maka dapat membantu pengetua atau guru besar melengkapkan warganya dengan pelbagai ilmu, kemahiran dan maklumat terkini untuk meningkatkan kualiti, daya saing, keberkesanan dan kecemerlangan organisasi (Foniza & Izham, 2012). Kepimpinan pendidikan menyatakan bahawa kepimpinan adalah faktor utama yang memberi kesan kepada kecemerlangan sesebuah sekolah dan kejayaan sesebuah sekolah bergantung kepada bagaimana kepimpinan pengetua yang menerajui (Rosnarizah, 2015).





Dalam persoalan mengenai pendidikan, sekolah adalah perkara pertama yang yang terlintas dikepala sebagai tempat di mana kanak-kanak akan mendapat pendidikan formal yang pertama. Oleh itu ibu bapa bertanggungjawab untuk terlibat secara aktif dalam pendidikan kanak-kanak dengan memilih sekolah yang betul yang tidak hanya memenuhi keperluan anak-anak mereka tetapi juga mereka. Walau bagaimanapun, kajian mengenai sifat hubungan ibu bapa dan kanak-kanak dalam satu unit keluarga menunjukkan bahawa perkembangan kanak-kanak dalam jangka masa yang berbeza dalam konteks keluarga yang berbeza memberi reaksi yang berbeza kepada persekitaran mereka seperti sekolah dan interaksi mereka dengan rakan sebaya mereka (Berger, 1990; Kaplan, 1992, Santrock, 2006). Berger (2000) juga percaya bahawa seseorang individu itu adalah merupakan hasil daripada persekitaran di mana mereka terdedah. Setiap kanak-kanak dan ibu bapa dipengaruhi oleh sistem keluarga yang dikongsi bersama. Sama seperti sekolah adalah sistem sekolah, guru, pengetua, kakitangan dan pelajar berinteraksi dengan matlamat untuk mendidik. Oleh itu, keluarga yang berkhidmat adalah badan atau sistem. Sekali lagi, ini jelas menunjukkan bahawa ejen perubahan terbesar untuk mempengaruhi pendidikan rendah adalah penyertaan ibu bapa dalam kehidupan seharian kanak-kanak dan sekolah.

Menurut Hassel dan Hassel (2004), sama ada ibu bapa memilih sekolah secara proaktif atau tidak, kesannya kepada kanak-kanak akan banyak. Ini disokong oleh Connell (1981) yang menunjuk bahawa pilihan sekolah ibu bapa samada merupakan sesuatu yang dirancang secara langsung atau tidak langsung, dapat mempengaruhi perkembangan anak-anak dalam setiap aspek perkembangan mereka. Secara





ringkasnya, jika ibu bapa membuat pelan yang baik dan terlibat secara aktif dalam membuat pilihan sekolah, ianya boleh membuahkan hasil yang baik untuk anak-anak mereka atau mungkin sebaliknya. Sepanjang tahun pelajaran yang panjang, kanak-kanak akan menghabiskan lebih banyak masa di sekolah, lebih rapat kepada rakan sebaya dan aktiviti-aktiviti berkaitan daripada tugas lain. Ini membuktikan bahawa semua perkara sekolah termasuk interaksi ibu bapa dengan lembaga sekolah juga penting dalam membuat pilihan sekolah kerana ia akan memberi laluan untuk pembelajaran yang lebih baik dan persekitaran sosialisasi untuk kanak-kanak. Atas sebab ini, ibu bapa perlu memilih sekolah mereka yang boleh dipercayai untuk kejayaan anak-anak mereka dalam pendidikan.

Ini merupakan salah satu faktor kebanyakan ibubapa mengambil pendekatan mudah dengan memilih menghantar anak-anak mereka ke sekolah yang dianggap sekolah cemerlang. Dan kebanyakan ibu bapa menghantar ataupun memilih sekolah-sekolah yang dapat memenuhi hasrat dan keperluan ibu bapa (Roshlawaty Md Raieh, Wan Amalia Wan Mohd Daud & Nur Asila Abd Jalil, 2016). Malah terdapat ibu bapa sanggup memilih sekolah-sekolah yang jauh dari lokasi kediamannya. Misalnya bagi ibu bapa yang tinggal di Negeri Sembilan, Melaka dan Pulau Pinang, sanggup menghantar anak-anak bersekolah di Lembah Klang. Contohnya Kebangsaan (SK) Sri Bintang Utara, SK Sri Bintang Selatan, SK Damansara Heights, SK St John dan lain-lain. Ramai juga dikalangan ibubapa yang sanggup berhabisan wang ringgit dengan menghantar anak mereka ke sekolah swasta mahupun sekolah antarabangsa dengan harapan anak-anaknya dapat menerima dan berjaya dalam bidang akademik. Persoalannya mengapa fenomena atau situasi ini berlaku? Sedangkan dalam masa yang sama pihak KPM begitu dalam memperkasa sekolah kebangsaan. Ini





mungkin disebabkan bahawa salah satu mekanisme untuk membangunkan sistem pendidikan yang semakin berkembang dan mencabar (Quah & Azmiza, 2012).

Berdasarkan sentesis literatur berkaitan sekolah-sekolah cemerlang, didapati ibu bapa lebih mengenalpasti kepada hasil atau output yang ditunjukkan oleh sekolah-sekolah swasta. Hasil yang ditunjukkan ini dalam bentuk pencapaian atau prestasi akademik serta bukan akademik. Contohnya kesempurnaansahsiah pelajar, jati dirimantap dan sikap positif, wujud rasa puas bekerja dalam kalangan guru, memastikan sekolah dalam keadaan bersih dan ceria. Begitu juga dengan konsep sekolah berpretasi tinggi dan sekolah kluster boleh dikenali melalui sekolah yang menitikberatkan kepada orientasi proses dan orientasi pencapaian pelajar serta pencapaian organisasi tersebut. Kedua-dua jenis orientasi ini dikatakan penting dan saling melengkapi malah proses pelajar-pelajar membangun dengan baik di bawah kepimpinan yang baik, tanpa mengambil kira sama ada mereka mencapai tahap yang tinggi atau tidak. Dari aspek lain pula menunjukkan kesaksamaan pendidikan dalam kalangan pelajar dapat mengurangkan perbezaan keupayaan gaya kognitif, fizikal, status sosioekonomi ibu bapa pelajar, tanpa mengira pegangan agama, bangsa dan status keturunan serta kemampuan pelajar.

Maka sekolah-sekolah pilihan ini merupakan sekolah yang mempunyai etos, watak, identiti yang tersendiri dan unik serta menyerlah dalam semua aspek pendidikan yang menjadi pilihan ibu bapa. Sekolah-sekolah ini memberi penekanan kepada kejayaan murid-murid, malahan memberi penekanan kepada aspek kemenjadiannya melalui proses pendidikan di sekolah. Antaranya wujudnya kejelasan visi dan berstrategik, kepimpinan yang cemerlang, menyediakan persekitaran tempat





kerja yang positif, proses penyampaian isi pelajaran berkualiti dan diterima pakai, pembangunan professional 'in situ', keterlibatan ahli-ahli sekolah membuat keputusan dan mewujudkan interaksi berkesan serta kerjasama dari pelbagai lapisan pihak yang berkaitan dengan sekolah (Jamilah & Yusof, 2011).

Di sekolah menengah kebiasaannya peranan pengetua sangat penting dalam menyokong dan memastikan kejayaan pelaksanaan dasar dan hala tuju sekolah. Para pemimpin sekolah seharusnya arif tentang usaha-usaha atau program yang perlu dan sesuai dilaksanakan di sekolah yang mereka terajui untuk ke arah pencapaian kecemerlangan bagi merealisasikan aspirasi kerajaan dalam menzahirkan sistem pendidikan berkualiti bertaraf dunia serta menghasilkan sumber manusia yang berkembang secara holistik dan berterusan, dan berkeupayaan bersaing di arena global (Fauzi, 2014; Ang & Balasandran, 2013; Jamela, 2012; Yap, 2011). Kesemua perubahan ini perlumengikut perkembangan dan tuntutan semasa dan bersifat futuristik dan memnuhi keperluan Revolusi Industri ver4 (IR4).

Pelbagai kaedah dan pendekatan yang sistematik telah digunakan untuk mencapai matlamat organisasi yang telah disasarkan begitu juga dengan pencapaian sebuah sekolah, pengetua atau guru besar mestilah mempunyai kepelbagaian kemahiran dan menjadi sebagai pengurus dasar-dasar kurikulum supaya menjamin proses pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar, berkesan, dan berkualiti.

Sebagai sebuah negara yang mengurus pendidikan secara bersistem berpusat, segala dasar, peraturan dan wawasan pendidikan bermula dari pihak KPM. Manakala sekolah kan melaksanakannya secara berperingkat dan dari masa ke semasa (Azizi

